

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROBERT LAWSON CHUAT  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha dan langkah-langkah Kementerian bagi membendung penyakit *African Swine Fever (ASF)* yang telah menular di negeri Sabah dan Sarawak baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyakit *African Swine Fever* (ASF) merupakan penyakit demam berdarah akut yang menyerang ternakan babi dan babi liar. Ia berpunca daripada virus *Asfavidae* dan ia boleh berjangkit melalui:

- i. babi hidup atau mati;
- ii. babi ternakan atau babi liar;
- iii. produk babi; dan
- iv. makanan dan peralatan yang tercemar.

Pada masa ini penyakit ASF hanya disahkan berlaku di Sabah.

Bagi mengekang wabak berkenaan dari terus merebak, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. melaksanakan sekatan pengimportan babi dan produk babi ke atas negara-negara yang mengalami wabak ASF;
- ii. melaksanakan pemeriksaan tanda-tanda klinikal ke atas babi komersial, *backyard* dan babi liar melalui program surveilan klinikal;
- iii. melaksanakan persampelan ke atas daging dan produk daging babi yang diimport daripada negara yang tiada dalam senarai sekatan pengimportan di pintu masuk negara;

**SOALAN NO : 17**

- iv. mengadakan latihan di lapangan dan *table-top simulation* bersama agensi-agensinya yang berkaitan sebagai persediaan untuk menangani wabak ASF;
- v. pengharaman pergerakan keluar masuk ternakan babi dan produk babi dari kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Kawalan ASF kecuali mendapat kebenaran dari Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bahagian;
- vi. memperketatkan kawalan pintu-pintu masuk antarabangsa melalui:
  - a. pelaksanaan *inflight announcement* dan meletakkan bunting/pamphlet/risalah bagi memastikan penumpang tidak membawa masuk produk berasaskan babi secara *handcarry*; dan
  - b. pengurusan pelupusan sisa makanan berasaskan babi dan produk babi dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.
- vii. menjalankan kempen kesedaran mengenai bahaya penyakit ASF melalui sesi libat urus, seminar/forum secara atas talian, poster infografik, video, pamphlet dan lain-lain kepada pihak-pihak berkepentingan.

Sekian, terima kasih.